



Ulasan

LEMBAGA PENASIHAT PENCEGAHAN RASUAH

2010

ULASAN

LEMBAGA PENASIHAT PENCEGAHAN RASUAH SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

“Kerajaan tidak mahu penubuhan SPRM ini dilihat sebagai retorik semata-mata atau dilihat sekadar penjenamaan semula dari BPR ke SPRM tanpa perubahan ketara ke atas struktur dan keberkesanannya. Kerajaan sedar bahawa isu-isu berhubung persepsi ketidakbebasan BPR, tuduhan sebagai ‘Harimau Tak Bergigi’, penguatkuasaan terpilih, kelewatan bertindak, serta tuduhan penyiasatan tidak profesional, sedikit-sebanyak telah menjaskan imej dan kredibiliti BPR.”

Petikan daripada Ucapan YAB Datuk Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia, sempena pelancaran SPRM pada 24 Februari 2009.

TERMA RUJUKAN DAN KEANGGOTAAN

Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah (LPPR) ditubuhkan di bawah seksyen 13 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) untuk menasihati Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengenai pencegahan rasuah di Malaysia. Laporan ini mengandungi ulasan LPPR terhadap penjalanan SPRM akan fungsinya bagi tahun 2010 dan mengenai masalah pencegahan rasuah di Malaysia, sebagaimana dikehendaki oleh terma rujukannya di Lampiran A.

Anggota LPPR dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri. Senarai Anggota adalah seperti di Lampiran B.

ULASAN

1. PIMPINAN BARU SPRM

Pelantikan Dato' Sri Hj. Abu Kassim bin Mohamed sebagai Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada 1 Januari 2010 telah menyuntik semangat kepada seluruh warga SPRM untuk mengharungi cabaran-cabaran getir sepanjang tahun 2009 memandangkan beliau berperanan penting dalam penubuhan SPRM.

Strategi paling berkesan yang diperkenalkan beliau ialah menerusi Aspirasi 2010. Aspirasi ini dilihat sebagai sasaran jangka pendek terpenting yang perlu dicapai oleh segenap lapisan warga SPRM untuk mengembalikan kredibiliti dan imej SPRM yang terjejas sepanjang tahun 2009.

Aspirasi 2010 menggariskan perancangan strategik untuk meningkatkan keyakinan dan memperbaiki persepsi masyarakat Malaysia dan antarabangsa ke atas keberkesanan SPRM dalam pencegahan rasuah berdasarkan prinsip kebebasan, ketelusan dan profesionalisme.

► ULASAN

LEMBAGA PENASIHAT PENCEGAHAN RASUAH
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Hasilnya amatlah membanggakan di mana selain dapat memperkuatkan semangat setia kawan antara warganya, SPRM mula berjaya meningkatkan semula keyakinan dan memperbaiki imejnya di kaca mata masyarakat tempatan dan antarabangsa.

LPPR berpendapat jika SPRM diberi ruang dan keyakinan secara berterusan untuk melaksanakan amanah sepetimana yang diberikan, rasuah yang menjadi penyakit dalam negara kita jika tidak dapat dihapuskan pasti dapat dikurangkan ke tahap yang minima.

2. CABARAN KEPADA SPRM

Sikap prejudis dan persepsi negatif yang dilemparkan terhadap SPRM sepanjang tahun 2009 diatasi menerusi pelbagai pendekatan. Isu paling sensitif yang membawa kepada tercalarnya imej SPRM ialah kes kematian saksi utama Teoh Beng Hock. Kesan daripada isu ini, pihak berkuasa seperti SPRM diletakkan dalam keadaan serba salah dan sering menjadi mangsa serangan dan kritikan sesetengah pihak. Perkara ini telah secara langsung menyumbang kepada prestasi Malaysia yang kurang memuaskan dalam Indeks Persepsi Rasuah *Transparency International*, di mana terdapat tiada perubahan dalam ranking Malaysia pada tahun 2010 berbanding dengan ranking tahun sebelumnya, iaitu kekal pada ranking yang ke-56.

Persepsi dan keyakinan bagaikan peribahasa aur dan tebing. Sekiranya keyakinan menurun maka persepsi masyarakat akan semakin negatif terhadap sesuatu agensi penguatkuasaan. Inilah yang berlaku kepada SPRM. SPRM menghadapi masalah keyakinan dan persepsi masyarakat yang masih membelenggu tahap kewibawaannya.

3. PENINGKATAN PRESTASI SPRM

LPPR berpendapat bahawa walaupun dengan kekangan peruntukan kewangan dan sumber tenaga manusia pada tahun 2010, SPRM telah menunjukkan prestasi yang semakin positif. Kebanyakan warga SPRM telah menjalankan tugas dengan penuh disiplin, dedikasi dan ikhlas. Sepanjang tahun tersebut juga, SPRM telah berjaya menumpaskan kes-kes rasuah bersindiket seperti kes perlombongan haram dan penyeludupan pasir, penebangan dan pembalakan haram, pendatang asing tanpa izin dan juga penyelewengan minyak diesel. Kes-kes tersebut bukan sahaja telah melibatkan kehilangan beberapa bilion ringgit, kemasuhan alam sekitar yang dihapuskan begitu sahaja, malah telah mengancam keselamatan negara.

Peningkatan pencapaian prestasi SPRM tahun 2010 dapat dilihat daripada beberapa petunjuk, tetapi yang paling ketara ialah jumlah tangkapan yang telah dibuat. Jumlah tangkapan dalam tahun 2010 iaitu sebanyak 944 merupakan tangkapan yang paling tinggi dalam sejarah penubuhan agensi pencegahan rasuah di Malaysia. Jumlah tangkapan ini terdiri daripada 293 penjawat awam dan 545 orang awam berbanding dengan 190 penjawat awam dan 107 orang awam bagi tahun 2009.

Di peringkat antarabangsa pula, SPRM telah diiktiraf melalui jemputan oleh beberapa negara untuk membuat pembentangan kertas kerja. Antara kertas kerja yang telah dibentangkan ialah di *4th IAACA Annual Conference and General Meeting* di Macau, China.

Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (APRM) bukan sahaja dikenali sebagai pusat latihan bagi melatih pegawai-pegawai SPRM tetapi juga telah mendapat pengiktirafan sebagai hab di rantau Asia Pasifik untuk melatih peserta-peserta dari beberapa negara, seperti dari *Government Inspectorate of Vietnam*. LPPR berasa bangga apabila Malaysia melalui SPRM telah diberi kepercayaan dalam menganjurkan persidangan dan mesyuarat antarabangsa iaitu *15th Steering Group Meeting and Regional Seminar on Criminalisation of Bribery of the ADB/OECD Anti-Corruption Initiative for Asia and the Pacific* yang telah diadakan di Kuala Lumpur.

► ULASAN

LEMBAGA PENASIHAT PENCEGAHAN RASUAH
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Di samping itu, Ketua Pesuruhjaya SPRM telah dilantik menganggotai Lembaga Penasihat Antarabangsa (Akademik) *International Anti-Corruption Academy* (IACA) dan Jawatankuasa Eksekutif *International Association of Anti-Corruption Authorities* (IAACA).

LPPR mengalui-alukan beberapa inisiatif yang lain yang telah diambil oleh SPRM bagi meningkatkan lagi prestasi dan kewibawaannya. Antaranya ialah penyelesaian Kertas Siasatan dalam masa 6 bulan dan pelaksanaan beberapa kempen, majlis penerangan, dialog dan iklan-iklan serta penggunaan media bentuk baru seperti *Facebook*, *Frenz of MACC*, *Twitter*, *Blog Our Different View* dan *You Tube*.

SPRM juga telah menubuhkan Bahagian Operasi Khas (BOK) yang bertujuan menyiasat kes-kes rasuah melebihi RM1 juta. Penubuhan Bahagian baru ini dilihat dapat memberikan impak yang berkesan; contohnya penyiasatan terhadap kes Sime Darby yang dapat diselesaikan dalam masa kurang dari 3 bulan.

Satu lagi pencapaian SPRM yang membanggakan ialah apabila Parlimen Malaysia meluluskan Rang Undang-Undang Perlindungan Pemberi Maklumat 2010. Akta tersebut mula berkuat kuasa pada 15 Disember 2010. Peruntukan di dalam Akta tersebut adalah serupa dengan peruntukan di dalam Akta United Kingdom dan Amerika Syarikat. Akta ini juga merupakan inisiatif perundangan di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dalam memerangi rasuah, salah laku dan penyelewengan.

Akta ini bertujuan memberi perlindungan kepada pemberi maklumat daripada diambil tindakan undang-undang sivil atau jenayah terhadapnya berdasarkan aduan yang dibuatnya. Ia juga memberi perlindungan daripada kecaman pihak-pihak tertentu. Aduan yang dibuat akan dinilai dan disiasat mengikut prosedur yang berkenaan.

CADANGAN

LPPR, selepas membuat pertimbangan sewajarnya setahun yang lalu, telah mencadangkan pada pihak berkuasa yang berkenaan mengenai 10 perkara seperti berikut:

1. TANGANI ISU PENYELEWENGAN “POLITICAL FUNDING”

Masalah penyalahgunaan sumbangan politik adalah satu masalah besar yang membawa kepada implikasi rasuah yang serius dan perlu ditangani dengan segera dan tegas. Amalan ahli politik yang menggunakan kedudukannya bagi mendapatkan sesuatu kontrak dengan memperoleh 10 hingga 15 peratus daripada kos kontrak itu keronnya bagi parti politik atau untuk dirinya perlu dibanteras. Amalan ini didapati membawa kesan buruk yang besar bukan sahaja dari segi rasuah tetapi juga dari segi ekonomi kerana ia meningkatkan kos projek dan dengan itu mengurangkan keefisienan ekonomi dan daya saing negara.

Bagi maksud ini pindaan perlu dibuat kepada Akta Pertubuhan 1966 (Akta 335) dan SPRM sedang dalam proses perbincangan mengenai perkara ini.

2. TINGKATKAN TUMPUAN KEPADA ASPEK PEROLEHAN

Aspek perolehan yang melibatkan perbelanjaan yang besar juga mempunyai potensi rasuah yang besar dan perlu diawasi dengan teliti. Perolehan yang dimaksudkan bukan sahaja perolehan yang dibuat oleh Kerajaan dan swasta sahaja tetapi juga aspek perolehan yang melibatkan satu syarikat swasta dengan syarikat swasta yang lain. LPPR mencadangkan supaya SPRM memberi tumpuan yang khusus kepada perkara ini.

► ULASAN

LEMBAGA PENASIHAT PENCEGAHAN RASUAH
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

3. LAKUKAN SIASATAN SUSULAN KE ATAS DAPATAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PROJEK-PROJEK BESAR

LPPR mengesyorkan SPRM menyiasat laporan Ketua Audit Negara mengenai projek-projek besar yang didapati ada kemungkinan penyelewengan.

4. TINGKATKAN USAHA UNTUK MENGEMASKINIKAN UNDANG-UNDANG, PROSES DAN PROSEDUR

SPRM digesa untuk meningkatkan lagi usaha untuk mengemaskinikan undang-undang, proses dan prosedur pentadbiran supaya peluang untuk melakukan rasuah, terutama yang berkaitan dengan kepentingan rakyat jelata seperti kontrak-kontrak kecil, bekalan perkhidmatan dan urusan tender dapat dikurangkan lagi.

5. TINGKATKAN USAHA MEMBUDAYAKAN NILAI-NILAI INTEGRITI

Di samping usahanya untuk mendidik masyarakat supaya lebih prihatin dan berwaspada terhadap gejala rasuah, SPRM juga diminta untuk mempertingkatkan usaha membudayakan nilai-nilai seperti integriti dan kejujuran di kalangan masyarakat. Ini merupakan tindakan pencegahan yang amat berkesan.

Tanggungjawab memerangi rasuah bukan seharusnya dibebankan ke atas SPRM seolah-olah jenayah tersebut adalah tugas mutlak untuk SPRM membanterasnya. Memerangi rasuah adalah tanggungjawab semua pihak tidak terhad kepada sesuatu agama, kaum, budaya, kumpulan umur atau kelompok tertentu sahaja. Ini adalah tanggungjawab bersama bagi memastikan usaha memerangi rasuah dilaksanakan dengan lebih berkesan.

6. TAMBAHKAN PERUNTUKAN KEWANGAN DAN PERJAWATAN

LPPR berterima kasih kepada Kerajaan kerana telah memberikan peruntukan kewangan yang melebihi daripada tahun sebelumnya, tetapi berpendapat peruntukan tersebut masih belum mencukupi. Adalah mustahil bagi sesebuah agensi penguatkuasaan seperti SPRM yang mempunyai peruntukan yang terhad untuk mencapai matlamat Kerajaan dalam memerangi rasuah. Namun demikian, SPRM telah berjaya menunjukkan prestasi yang membanggakan.

Bagi isu perjawatan pula, SPRM telah hanya diberi tambahan baru sebanyak 141 orang pegawai SPRM sahaja pada tahun 2010. Walau bagaimana pun jumlah perjawatan yang diluluskan ini masih tidak cukup untuk menampung beban tugas serta tanggungjawab SPRM dalam menjalankan tugas-tugas operasi yang melibatkan aspek siasatan dan perisikan. Sehubungan itu LPPR berpendapat adalah wajar untuk pihak Kerajaan menambah jumlah perjawatan pegawai SPRM secara konsisten mengikut beban tugas yang semakin bertambah dari semasa ke semasa. Dengan pertambahan jawatan yang konsisten, ia akan dapat membantu pihak SPRM menjalankan tugas siasatan dengan lebih lancar, berkesan dan sekali gus memendekkan tempoh proses penyiasatan.

7. TUBUHKAN SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

LPPR sekali lagi menekankan keperluan penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah Malaysia yang akan bertanggungjawab bagi pelantikan, pengesahan dan kenaikan pangkat warga SPRM. Pembentukan Suruhanjaya ini akan membolehkan SPRM mengurus tenaga manusianya secara lebih efisien dan sekali gus menambah kewibawaan dan kredibilitinya.

► ULASAN

LEMBAGA PENASIHAT PENCEGAHAN RASUAH
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

8. PERLUASAN TAPISAN KEUTUHAN

Keutuhan seseorang penjawat awam atau individu adalah satu daripada faktor penting yang perlu diambil kira dalam memberi pertimbangan untuk sesuatu pengiktirafan. Ini bagi memastikan penjawat awam atau individu yang dipilih untuk sesuatu penganugerahan itu tidak pernah terbabit dalam sebarang bentuk jenayah rasuah, salah guna kuasa atau penyelewengan. Bagi tujuan ini, SPRM melalui Badan Pencegah Rasuah (BPR) sebelum ini diberi kuasa pentadbiran untuk membuat tapisan keutuhan mengikut Pekeliling Am Sulit Bil. 1 Tahun 1985 bertajuk Tapisan Keutuhan. Justeru itu, LPPR berpendangan bahawa pihak Kerajaan sewajarnya memastikan nama bakal pemegang jawatan Ketua Penggerusi Eksekutif Syarikat-Syarikat Berkepentingan Kerajaan (GLC) dan Syarikat-Syarikat Milik Kerajaan (GOC) dikemukakan juga terlebih dahulu kepada pihak SPRM untuk tujuan tapisan keutuhan. Melalui tapisan keutuhan ini, hanya calon yang berkaliber dan bersih dari amalan jenayah rasuah, penyalahgunaan kuasa atau penyelewengan sahaja akan dipertimbangkan.

9. BERIKAN KERJASAMA DAN SOKONGAN PADU

Biar apa pun, tahun pertama SPRM itu adalah satu tempoh yang amat mencabar. LPPR berpendapat bahawa, tidak ada satu tahun dalam sejarah SPRM atau BPR yang lebih mencabar daripada tahun 2009. Malah, semasa Dato' Haji Harun Idris di hadapkan ke Mahkamah atas tuduhan rasuah itu pun tidak setanding dengan cabaran dalam tahun 2009. Pada masa itu sasaran kritikan bukanlah ditumpukan terhadap BPR, tetapi terhadap satu kumpulan dalam parti politik yang sama. Tetapi, apa yang berlaku dalam tahun 2009 adalah berlainan. Kali ini SPRM itu sendiri yang menjadi sasaran. Inilah yang mendukacitakan.

Kepada Kerajaan, LPPR memohon komitmen yang penuh dan berterusan untuk memerangi rasuah dengan memperbaiki sistem pentadbiran dan urusan kewangan yang akan mengurangkan peluang dan keperluan berlakunya rasuah dan dengan memberi kemudahan, kelengkapan dan peruntukan yang mencukupi kepada SPRM untuk membolehkannya melaksanakan tugasnya dengan cekap dan berkesan.

10. PUPUK PERSEKITARAN YANG BEBAS DARI RASUAH

Kepada setiap rakyat Malaysia, tidak kira pemimpin atau yang dipimpin, dari pihak kerajaan atau pembangkang, ahli-ahli politik atau penyokong mereka, pegawai atau peniaga, penulis atau pembaca dan seterusnya, LPPR berseru, jika semua pihak bertekad hendak memerangi rasuah, perkara pertama sekali yang mesti dilakukan ialah menghindar diri daripada perbuatan rasuah dan secara mudahnya ialah: jangan beri dan jangan terima rasuah. Dalam hal ini tidak ada sesiapa yang terkecuali dan tidak ada sesiapa yang istimewa. Selagi ada orang-orang atau pihak-pihak yang menganggap diri atau kumpulannya terkecuali daripada menghindar amalan rasuah, selama itulah usaha untuk memerangi rasuah tidak akan berjaya. Sikap “saya atau kami boleh melakukannya tetapi SPRM hendaklah memerangi rasuah” adalah satu sikap yang tidak sepatutnya wujud. Kerjasama perlulah diberi kepada SPRM dalam memerangi rasuah.

KESIMPULAN

LPPR berpandangan setelah berusia dua tahun, SPRM berupaya melaksanakan tanggungjawabnya dengan berkesan. Aspirasinya untuk terus meningkatkan pencapaian pada masa hadapan adalah cerah. LPPR juga percaya dengan sokongan padu semua pihak, peruntukan kewangan yang berpatutan, tenaga kerja yang berdedikasi, mahir dan komited, SPRM akan berjaya menjalankan tugasannya perundangannya menurut Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694) secara berkesan.

Orang ramai juga tidak sepatutnya mengharapkan SPRM melakukan apa sahaja siasatan dan mendakwa mengikut firasat mereka semata-mata tanpa memahami kuasa dan peruntukan yang ada pada mereka. Ini adalah kerana SPRM sebagai sebuah agensi penguat kuasa terikat melaksanakan tugasnya mengikut batasan undang-undang yang telah ditetapkan.

► **ULASAN**

LEMBAGA PENASIHAT PENCEGAHAN RASUAH
SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

LAMPIRAN A

**TERMA RUJUKAN
LEMBAGA PENASIHAT PENCEGAHAN RASUAH**

- a) Untuk menasihati Suruhanjaya tentang apa-apa aspek masalah rasuah di Malaysia;
- b) Untuk menasihati Suruhanjaya tentang dasar dan strategi Suruhanjaya dalam usahanya untuk membanteras rasuah;
- c) Untuk menerima, meneliti dan mengendorskan cadangan daripada Suruhanjaya ke arah perjalanan cekap dan berkesan Suruhanjaya;
- d) Untuk meneliti dan mengedorskan keperluan sumber Suruhanjaya untuk memastikan keberkesanannya;
- e) Untuk meneliti laporan tahunan Suruhanjaya sebelum dikemukakan kepada Jawantankuasa Khas Mengenai Rasuah; dan
- f) Untuk mengemukakan ulasannya tentang perjalanan oleh Suruhanjaya sebelum dikemukakan kepada Jawatankuasa Khas mengenai Rasuah.

LAMPIRAN B

SENARAI ANGGOTA LEMBAGA PENASIHAT PENCEGAHAN RASUAH

	<p>Tun Abdul Hamid bin Haji Mohamad Mantan Ketua Hakim Negara (Pengerusi)</p>		<p>Datuk Rashpal Singh a/l Jeswant Singh Timbalan Pengerusi Knight Capital Sdn. Bhd.</p>
	<p>Tan Sri Datuk Amar (Dr) Haji Hamid Bugo Mantan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak</p>		<p>Tan Sri Datuk Yong Poh Kon Pengarah Urusan Royal Selangor International Sdn. Bhd.</p>
	<p>Prof. Tan Sri Dr. Mohd Kamal Hassan Mantan Rektor Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)</p>		<p>Dato' Anwar Fazal Pengarah Kolej Right Livelihood, Universiti Sains Malaysia</p>
	<p>Tan Sri Dato' Sri Mohamed Jawhar Hassan Pengerusi New Straits Times Press</p>		<p>Prof. Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim Prof. Emeritus di Jabatan Sejarah Universiti Malaya (UM)</p>
	<p>Tan Sri Datuk Seri Panglima Simon Sipaun Mantan Pesuruhjaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM)</p>		<p>Tuan Chelvarajah Ramasamy Reddiar Konsultan di Sault and Co., Peguambela dan Peguamcara</p>
	<p>Tan Sri Dato' Seri Megat Najmuddin bin Haji Megat Khas Presiden Institut Tadbir Urus Korporat Malaysia</p>		<p>Dato' Sri Hj. Abu Kassim bin Mohamed Ketua Pesuruhjaya SPRM (ex-officio)</p>
	<p>Puan Sri Zaitun Zawiyah Puteh Mantan Peguam Cara Negara</p>		

